

Ruj. Kami : UMP.100-1/3/1 Jilid 2 (2)
Tarikh : 12 Oktober 2023

Senarai edaran seperti lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 16 TAHUN 2023 MENGENAI ARAHAN PENETAPAN HARI BEKERJA WAJIB PADA 21 OKTOBER 2023 (SABTU) KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH SEMPERNA MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH KALI KE-18

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 16 Tahun 2023 mengenai Arahan Penetapan Hari Bekerja Wajib Pada 21 Oktober 2023 (Sabtu) Kepada Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Kali Ke-18 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar:

- i) Puan Siti Sakinah Binti Mohtar (Eksekutif Kanan)
Tel : 09- 431 6354
Emel : ssakinah@umpsa.edu.my

4. Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(HELMI BIN MOHAMED ISA)

Pengurus

Bahagian Pengurusan Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 16 TAHUN 2023

ARAHAN PENETAPAN HARI BEKERJA WAJIB PADA 21 OKTOBER 2023 (SABTU) KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH KALI KE-18

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) mengenai keputusan Universiti untuk menetapkan 21 Oktober 2023 (Sabtu) sebagai hari bekerja bagi staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) sempena sempena Majlis Konvokesyen UMPSA Kali Ke-18.

LATAR BELAKANG

- 2.0 Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti ke 215 Bilangan ke 22/2023, Pihak Pengurusan Universiti telah memutuskan agar 21 Oktober 2023 (Sabtu) diisytiharkan sebagai Hari Bekerja Wajib bagi semua staf UMPSA.
- 3.0 Pelaksanaannya adalah bagi menunjukkan komitmen serta sokongan staf UMPSA terhadap Majlis Rasmi Universiti iaitu Majlis Konvokesyen UMPSA Kali Ke-18.

PELAKSANAAN

- 4.0 Dalam melaksanakan keputusan tersebut, staf UMPSA adalah diarahkan untuk hadir bertugas pada 21 Oktober 2023 seperti ketetapan berikut:

Perkara	Deskripsi
Waktu Bekerja	Waktu <i>Check In</i> – sebelum jam 8.00 pagi Waktu <i>Check Out</i> – setelah majlis selesai
Tempat bertugas	Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Pakaian	Lelaki: Pakaian Kebangsaan/Tenun Pahang/Batik/Lounge Suit/Pakaian Rasmi yang Bersesuaian dan wajib bersongkok. Perempuan: Pakaian Kebangsaan/Tenun Pahang/Batik/ Pakaian Rasmi yang bersesuaian.
Tanggungjawab staf	<ol style="list-style-type: none"> 1) Hadir bertugas serta merekodkan kehadiran. 2) Hadir ke MKK 18. 3) Lain-lain perancangan kerja selepas MKK 18 adalah tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan.
Tindakan Pentadbiran	<ol style="list-style-type: none"> 1) Cuti Gantian akan diberikan kepada staf secara automatik melalui sistem cuti semasa dan perlulah digunakan dalam tahun semasa sahaja. 2) Tiada sebarang tuntutan elaun lebih masa serta lain-lain tuntutan yang boleh dibuat oleh staf pada tarikh tersebut. 3) Ketiadaan rekod kehadiran akan dikira sebagai tidak hadir bertugas tanpa kebenaran, (<i>AWOL</i>) dan boleh dikenakan tindakan selaras dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa di UMPSA termasuk pelucutan hak emolumen. 4) Kegagalan untuk hadir bertugas perlulah disokong dengan alasan yang munasabah seperti; <ul style="list-style-type: none"> ○ Arahan Berkerja Rasmi (<i>Work Order</i>) ○ Cuti Sakit ○ Berkursus ○ Lain-lain perkara dengan kelulusan Ketua Jabatan

TANGGUNGJAWAB STAF

5.0 Dalam melaksanakan arahan Penetapan Hari Bekerja Wajib ini dan penguatkuasaannya dalam kalangan staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, semua staf adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.1 Hadir bertugas serta merekodkan kehadiran.
- 5.2 Hadir ke Majlis Konvokesyen UMPSA kali ke-18.
 - 5.2.1 Lain-lain perancangan selepas majlis adalah tertakluk kepada budi bicara Ketua Jabatan.
- 5.3 Menjaga keselamatan pejabat serta melaksanakan langkah-langkah penjimatan seperti memastikan semua akses ke jabatan berada di dalam keadaan terkunci sebelum ditinggalkan, pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup semasa ketiadaan di pejabat.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

6.0 Dalam melaksanakan arahan Penetapan Hari Bekerja Wajib ini dan penguatkuasaannya dalam kalangan staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk:

- 6.1 Memastikan agar semua staf di bawah seliaan hadir bertugas seperti yang telah ditetapkan;
- 6.2 Memastikan semua staf di bawah seliaan untuk hadir ke Majlis Konvokesyen UMPSA kali ke-18;
- 6.3 Merancang perjalanan kerja pada hari berkenaan dengan sebaik-baiknya; dan
- 6.4 Keselamatan pejabat serta langkah-langkah penjimatan dilaksanakan seperti memastikan semua akses ke jabatan berada di dalam keadaan terkunci sebelum ditinggalkan, pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup semasa ketiadaan di pejabat.

TARIKH KUAT KUASA

7.0 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh semasa pekelliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 11 Oktober 2023

SENARAI EDARAN

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**